

Resipi kejayaan Zakri

Profil



NAMA: Profesor Emeritus Datuk Seri Dr Zakri Abdul Hamid

JAWATAN: Penasihat Sains Perdana Menteri

TARIKH LAHIR: 23 Jun 1948

ASAL: Kampung Ketari, Bentong, Pahang

ISTERI: Datin Seri Atom Yem

ANAK: Shima, Muhammad Alif, Muhammad Azmil, Muhammad Iqbal dan Seri Salina

PENDIDIKAN: Doktor Falsafah Sains Pertanian (Biak Baka Tumbuhan), Michigan State University, Amerika Syarikat



Berpendidikan tinggi, fokus dan iltizam dalam perkara dilakukan serta merendah diri



KARISMA

Oleh ANIZA ZAINUDIN
anizazainudin@media-
prima.com.my

Namanya diabadikan kepada tiga spesies hidupan iaitu kumbang (Paleosepharia Zakrii), riangriang (Pomparia Zakrii) dan tumbuhan menjalar (Nepenthes Zakriana), sekali gus membuktikan cintanya terhadap bidang sains.

Lebih membanggakan, Penasihat Sains Perdana Menteri, Prof Emeritus Datuk Seri Dr Zakri Abdul Hamid turut dilantik menganggotai Lembaga Penasihat Sains kepada Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), Ban Ki-Moon, bermula Oktober lalu.

Ketika ditemui, lelaki kelahiran Kampung Ketari, Bentong, Pahang ini merendah diri dan menyifatkan perlantikan itu sebagai penghormatan tinggi serta kepercayaan daripada negara anggota.

"Selain mengharumkan nama Malaysia, ia menjadi inspirasi buat saya untuk terus berkhidmat di pentas dunia.

"Ini juga peluang untuk memperdengarkan suara Malaysia kepada dunia mengenai isu sains secara global, bukan hanya bertindak sebagai pemerhati.

"Mengambil kira pandangan seimbang dari negara maju dan membangunkan, pendekatan digunakan perlu adil bagi meneruskan agenda sewajarnya. Semestinya ia tanggungjawab besar," katanya.

Bersetuju dengan slogan 'Malaysia Boleh', Zakri berkata, rakyat Malaysia khususnya Melayu mampu

menjadi terbilang di pentas dunia kerana tiada kekurangan untuk duduk sama rendah dan berdiri sama tinggi dengan bangsa lain di dunia.

Namun untuk berada di kedudukan itu, lelaki berusia 65 tahun ini menegaskan, seseorang itu perlu memiliki kriteria awal iaitu pendidikan tinggi, fokus dan iltizam dalam perkara dilakukan serta merendah diri.

Selain bertanggungjawab memberi nasihat mengenai peranan sains dan teknologi dalam pembangunan ekonomi di PBB, Zakri menjawat satu lagi amanah dalam badan antarabangsa berkenaan iaitu Pengerusi Pengasas, Platform Antara Kerajaan mengenai Kepelbagaian Biologi dan Ekosistem (IPBES) pertama sejak Januari lalu.

Di sebalik kejayaan dimiliki, Zakri yang dilahirkan tanpa sepasang mata sempurna tidak menganggap keistimewaan diterima sebagai perkara negatif, sebaliknya bersyukur masih lagi mampu melihat dunia dan menjadi lebih kuat.

Mengungkap memori zaman kanak-kanak, Zakri tidak menafikan masih mengingat kenangan kali pertama memasuki persekolahan apabila menerima ejekan daripada teman sebaya atas kekurangan dimiliki.

"Menjadi sifat kanak-kanak suka mengusik tanpa menyedari ia sesuatu yang sensitif. Apabila teman bergurau mengenai kekurangan saya, saya berasa sungguh sedih.

"Pulang dari sekolah, saya menidamkan diri dan menangis sebelum disedari arwah ibu. Selepas bercerita, dia turut menangis bersama saya dan menasihati supaya bersyukur dengan pemberian Allah, sedangkan ramai

SENTIASA merendah diri prinsip Zakri.



PERBINCANGAN bersama kakitangan.



MEMBINCANGKAN sesuatu bersama Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak.



BERSAMA mantan Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad



BERSAMA delegasi asing.



Gemar buku cetus inspirasi

- 1. Aktiviti masa lapang?**
Membaca buku yang memberi inspirasi kepada diri seperti biografi Tun Dr Mahathir Mohamad dan Nelson Mandela. Saya juga gemar berenang setiap hari, sama ada pagi mahupun petang. Menjadi keutamaan saya sewaktu bertugas di luar negara, memastikan setiap hotel diduduki mempunyai kolam renang bagi tujuan berkenaan.
- 2. Aktiviti bersama keluarga?**
Melancong ke luar negara, terutama bersama isteri. Jika diarah bertugas ke luar negara, saya membawa isteri bersama supaya dia mengerti tanggungjawab yang dipikul.
- 3. Sukan kegemaran?**
Bola sepak, pastinya pasukan Pahang adalah pilihan saya. Saya turut menggemari sukan kapal layar dan ia dikongsi bersama anak. Port Dickson adalah lokasi utama untuk melakukan aktiviti itu.
- 4. Makanan kegemaran?**
Makanan Jepun, makanan Padang dan air tangan isteri.
- 5. Pendorong?**
Arwah ibu bapa, Abdul Hamid Isa dan Ramlah Tanggok.
- 6. Tokoh dikagumi?**
Dalam bidang sains, saya mengagumi pemenang hadiah Nobel, James D Watson yang berjaya menemui struktur molekul asid deoksiribonukleik (DNA). Dari segi kepemimpinan pula, Tun Abdul Razak Hussein, Tun Dr Mahathir Mohamad, Nelson Mandela dan Kofi Annan.
- 7. Prinsip hidup?**
Minat, iltizam dan kepercayaan perlu ada dalam setiap apa yang dilakukan, perasaan rendah diri harus seing.

lagi di luar sana tidak boleh melihat.
"Ibu saya sangat mengagumkan. Menyemat pesanan di hati, kekurangan saya miliki bukan perkara penting untuk ditangani, sebaliknya saya menumpukan perhatian sepenuhnya untuk berjaya dalam pelajaran," katanya.
Menjadi anak bongsu daripada empat beradik, Zakri dilahirkan dalam keluarga serba sederhana yang bergantung pendapatan kepada pekerjaan arwah bapa sebagai pemandu lori.
Dek kesulitan hidup, ibu yang menjadi inspirasi Zakri turut memainkan peranan memperkukuh ekonomi keluarga dengan mengambil upah menjahit serta menjual kuih tradisional.
Menyifatkan ibu bapanya berpandangan jauh, bapa kepada lima cahaya mata ini berkata, mereka mempunyai prinsip bahawa anak perlu keluar daripada belunggu kemis-

kinan dan pelajaran adalah satu-satunya jalan keluar.
Berebalkan doa dan menghargai penat jerih ibu bapa, Zakri sentiasa serius dalam pelajaran, sekali gus memenuhi impian insan kesayangannya.
Berjaya menggenggam Diploma Pertanian di Kolej Pertanian Malaya (kini Universiti Putra Malaysia), anak kampung ini menerima tawaran belajar di Amerika Syarikat bagi Ijazah Sarjana Muda Sains Tanaman di Louisiana State University.
Menggunakan alasan dahagakan ilmu, beliau membuat keputusan melanjutkan pengajian ke peringkat lebih tinggi di Michigan State University bagi sarjana dan doktor falsafah dalam bidang Sains Tanaman dan Pembiakbakaan Tumbuhan.
Cerita Zakri, minatnya dalam sains bercabang sejak kecil apatah dikelilingi alam semula jadi yang berkait rapat dengan bidang berkenaan.

Berebalkan pengetahuan dimiliki, Zakri tekad untuk pulang berkhidmat kepada negara meskipun ditawarkan jawatan pensyarah dengan pendapatan lumayan.
Memulakan kerjaya sebagai pensyarah Biologi, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), pada 1976, rezeki lelaki ini mencurah-curah apabila dilantik menjadi Ketua Jabatan Genetik; Timbalan Dekan Jabatan Genetik; dan menerima gelaran profesor penuh ketika berusia 37 tahun.
Kemudian, Zakri diberi kepercayaan, menyandang jawatan Timbalan Naib Canselor UKM selama lapan tahun bermula 1992.
Pada masa sama, lelaki ini turut aktif di pentas dunia apabila menyertai delegasi Malaysia ke luar negara membentangkan kertas kerja, termasuk Ketua Delegasi Malaysia dalam perbincangan antarabangsa "Cartagena Protocol on Biosafety."

Melihat pengalaman dimiliki Zakri, beliau ditawarkan jawatan sebagai Pengarah, Institute of Advanced Studies, United Nations University di Jepun bermula 2001 hingga 2008.
Sebaik pulang ke Malaysia, pencinta alam ini dilantik sebagai pemangku Canselor, Universiti Sains Malaysia selama dua tahun, dan pada masa sama beliau turut mengasaskan Centre for Global Sustainability Studies, di institusi pengajian tinggi berkenaan.
Sebelum mengakhiri perbualan, Pengerusi Bersama Malaysian Industry-Government Group in High Technology (MIGHT) ini optimis bahawa anak Malaysia sebenarnya mampu menyerlah di pentas dunia, malah melaksanakan tugas dipikul seperti diharapkan.
"Untuk berjaya, anak muda memerlukan pendediaan luas kepada dunia dan sentiasa fokus dalam setiap pekerjaan diamanahkan. Paling penting, ia harus dilakukan dengan